

AKHBAR : HARIAN METRO
 MUKA SURAT : 2
 RUANGAN : LOKAL

Derita buah dada 'beralih'

Wanita menyesal jalani pembedahan besarkan payudara guna khidmat doktor tidak bertauliah

Oleh Mohd Jamilul Anbia Md Denin dan Noor Hidayah Tanzizam@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Teruja mahu memiliki payudara bersaiz luar biasa bagi menarik perhatian ramai berakhir tragedi apabila seorang wanita sebaliknya terpaksa dikejarkan ke hospital bagi menyelamatkan nyawanya.

Mangsa mendakwa pembedahan membesarkan payudara (*breast filler*) memabitkan kos lebih RM23,600 dilakukannya penghujung tahun lalu di sebuah premis di ibu kota.

Lebih memalukan apabila hasil pembedahan itu menyebabkan fizikal mangsa kelihatan aneh apabila payudaranya beralih posisi hingga mangsa kelihatan pelik.

Mangsa yang mahu dikenali sebagai Elis, 32, tertarik untuk melakukan pembedahan membesarkan payudara ditawarkan melalui laman sosial Facebook.

Dia yang bekerja sebagai pendandan rambut profesional kemudian dibawa seorang ejen untuk bertemu doktor terbabit bagi berbilang soal kos pembedahan.

"Saya diberikan diskaun dan hanya perlu membayar RM23,600 berbanding kos asal lebih RM26,000. Malah saya terlalu yakin kepada doktor lelaki berusia 40-an itu yang mendakwa memiliki kelulusan menawarkan khidmat itu dari Persatuan Perubatan Malaysia (MMA)."

"Malah klinik pembedahan dikendalikan doktor itu terletak di Bukit Kiara di si-

ni, didakwa mendapat kelulusan beroperasi dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)," katanya.

Menurutnya, dia kemudian menjalani pembedahan selama dua jam di premis itu dengan memasukkan implan ke dalam kedua-dua payudaranya.

"Bagaimanapun, selepas 4 bulan melakukan pembedahan itu, saya mula berasa tidak selesa dan sakit pada bahagian kanan payudara. Malah lebih menyakitkan apabila bahagian puting turut membengkak.

"Selain itu kedudukan payudara turut 'beralih' lokasi hingga menyebabkan ia kelihatan pelik. Saya kemudian pergi semula bertemu 'doktor' berkenaan bagi mendapatkan penjelasan.

"Malangnya doktor itu enggan bertanggungjawab atas kerosakan yang berlaku selain menjalankan semula pembedahan bagi mengeluarkan implan yang ditanam di dalam payudara saya," katanya.

Menurutnya, akibat tidak tahan dengan derita dialami, mangsa terpaksa pergi ke sebuah hospital swasta di Damansara bagi mendapatkan rawatan.

"Doktor di hospital berkenaan mengesan berlaku jangkitan serta kedudukan payudara saya yang 'lari' dari kedudukan asal. Saya disarankan melakukan pembedahan di hospital itu bagi menyelamatkan nyawa.

"Saya terpaksa membayar RM28,000 bagi kos pembedahan berkenaan. Susulan kejadian itu saya bertindak membuat laporan kepada pihak MMA kerana tidak

mahu lebih ramai mangsa tertipu," katanya ketika ditemui membuat aduan kepada Ketua Biro Perkhidmatan Awam dan Aduan (PS-CD) MCA, Datuk Seri Michael Chong, semalam.

Sementara itu, MMA yang dihubungi mengesahkan bahawa pihaknya menerima aduan dihantar mangsa memabitkan doktor estetik berkenaan.

Bagaimanapun siasatan melalui *Malaysia Medical Council* (MMC) mendapati doktor terbabit tidak berdaftar secara sah untuk berkhidmat di negara ini.

Menurutnya, mangsa sudah diarah membuat laporan rasmi kepada Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS) terhadap klinik estetik berkenaan.

Dalam kes berasingan sebelum ini, seorang wanita berusia 30-an turut menjadi mangsa apabila payudaranya rosak dan mengalami jangkitan selepas menjalani pembedahan.

Mangsa mahu dikenali sebagai Tham mengadu payu-

daranya dijangkiti dan mengalami rasa gatal selepas menjalani prosedur pembedahan oleh seorang pakar bedah.

Dia mendakwa melakukan pembedahan itu memabitkan kos RM13,000 untuk memuaskannya hati teman lelaikanya.

Namun seminggu selepas melakukan pembedahan, nanah keluar dari bahagian yang disuntik pakar bedah itu dengan lemak diambil daripada bahagian punggungnya.

Mangsa mengatakan bahawa dia

menjalani pembedahan menyakitkan itu dalam keadaan sedar kerana pakar bedah itu memberitahunya bahawa dia tidak mempunyai lesen untuk membusinya.

Akibatnya payudara mangsa turut menjadi bengkak dan bertukar warna kepada hitam.

Sementara itu, Michael

Chong menyeru semua wanita yang memilih untuk menjalani pembedahan kosmetik atau plastik supaya mendapatkan khidmat doktor berlesen dan disahkan bertauliah sahaja.

"Ia akan mengurangkan risiko untuk mendapati kesan mudarat serta boleh membahayakan nyawa orang ramai. Setakat ini, seramai empat wanita sudah membuat laporan kepada kami sejak tahun lalu," katanya.

"Kedudukan payudara turut 'beralih' lokasi menyebabkan ia kelihatan pelik"
 Elis



ELIS menunjukkan gambar payudaranya yang rosak selepas pembedahan.

MICHAEL (kanan) dan Elis pada sidang media di Biro Perkhidmatan Awam dan Aduan (PS-CD) MCA.

Ramai pakar tak bertauliah dikesan tawar suntikan 'maut'

Kuala Lumpur: Ramai pakar kecantikan tidak bertauliah dikesan mengaut keuntungan dengan menawarkan khidmat 'maut' suntikan atau pembedahan kosmetik estetik secara haram di negara ini.

Walaupun khidmat itu hanya boleh dikendalikan doktor yang mempunyai lesen pertauliah iaitu *Letter of Credentialing and Privileging* (LCP) daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

namun ada individu berani mengambil risiko menawarkan khidmat itu.

Jurucakap KKM berkata, kebanyakan doktor estetik atau pakar bedah kosmetik ini berasal dari luar negara dengan ramai antaranya menggunakan sijil perubahan palsu untuk beroperasi.

Menurutnya, doktor terbabit seharusnya memiliki lesen pertauliah dipanggil LCP untuk menawarkan rawatan itu.

"Individu bukan doktor perubatan adalah diharamkan sama sekali melakukan suntikan atau apa juga pembedahan menembusi kulit sebagai contoh filler, botox dan laser.

"Berdasarkan maklumat, kebanyakan pakar kecantikan tidak bertauliah ini menggunakan filler sintetik atau lemak yang mengakibatkan kerosakan struktur payudara," katanya.

Biasanya mangsa mudah

terkena jangkitan selepas pembedahan dilakukan berikutan alat-alat digunakan tercemar selain proses rawatan dijalankan di lokasi tidak sesuai.

"Apa yang paling utama, golongan wanita tidak terluja teruja terhadap iklan membesarkan payudara tersebar meluas di media sosial hingga mengabaikan keselamatan diri," katanya.

Difahamkan KKM sebelum ini pernah menangani

beberapa aduan memabitkan kes doktor tidak bertauliah terutama dari luar negara seperti Taiwan dan China yang melakukan rawatan filler di negara ini.

Sebelum ini Pakar Radiologi Hospital Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Prof Madya Dr Radhiana Hassan dipetik berkata, jumlah pesakit yang dikesan menyuntik kolagen pada payudara semakin meningkat.

Kolagen yang dihasilkan

daripada bahan kimia berbahaya akan memberi impak kepada kesihatan kerana ia akan memberi reaksi pada payudara sehingga menyebabkan timbul ketulan pada luar kulit.

Kolagen yang sudah sebatu bersama darah tidak dapat dikeluarkan dari tubuh menyebabkan pelbagai risiko penyakit berkaitan buah pinggang dan paru-paru sehingga berkemungkinan menyebabkan kematian.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 15

RUANGAN : NEGARA



WAN ABDUL RAHIM (kiri) melawat pameran berkaitan penyakit kanser prostat pada program saringan kanser prostat 2023 peringkat negeri Pahang di Hospital Bera di Bera semalam.

Lapan daripada 10,000 lelaki 50 tahun hidap prostat

Tiga hidap kanser sehari di Pahang

Oleh AZIZAH SHAFIEI

BERA – Penyakit kanser di negeri ini berada pada tahap membimbangkan apabila purata tiga individu dikesan menghidap penyakit berbahaya itu setiap hari.

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Bahagian Perubatan), Datuk Dr. Wan Abdul Rahim Wan Muhammad berkata, dianggarkan 1,000 pesakit kanser direkodkan setiap tahun dengan 60 peratus daripadanya dikesan menghidap penyakit kanser tahap tiga dan tahap empat.

Katanya, ini termasuk kira-kira lapan daripada 10,000 individu lelaki berusia 50 tahun ke atas yang disahkan menghidap penyakit kanser prostat.

"Sebab itu pentingnya

pemeriksaan awal kepada orang lelaki terutamanya yang sudah berusia 50 tahun ke atas, tidak perlu tunggu sakit, tetapi pergi sahaja ke klinik kesihatan berdekatan.

"Hanya beberapa minit sahaja untuk buat pemeriksaan air kencing, sekiranya ada sesuatu dikesan menerusi keputusan ujian itu, barulah individu terbabit perlu menjalani pemeriksaan seterusnya," katanya pada Program Saringan Kanser Prostat 2023 Peringkat Negeri Pahang, di Hospital Bera di sini semalam.

Dalam pada itu kata Wan Abdul Rahim, kempen kesedaran penyakit prostat peringkat negeri Pahang merupakan aktiviti tahunan Jabatan Urologi Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA),

Kuantan yang dibuat sejak 2010.

Beliau menjelaskan dalam tempoh tersebut kempen berkenaan telah dilaksanakan di 10 fasiliti di beberapa daerah dengan Bera menjadi destinasi ke-11.

Jelasnya menerusi kempen berterusan ini lebih 2,000 peserta telah disaring dengan hampir 50 peratus dikesan mempunyai penyakit berkait kelenjar prostat dan sebilangannya dikesan menghidap penyakit kanser prostat peringkat awal.

"Kumpulan sasaran bagi program ini adalah golongan lelaki berumur 50 tahun dan ke atas ada simptom kencing (lower urinary tract symptoms) serta lelaki berumur 40 tahun yang ada sejarah keluarga sakit itu," jelasnya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 19

RUANGAN : FORUM

Susahnya nak tembusi talian pediatrik HTA, sibuk sangatkah?

SAUDARA PENGARANG,

SEBELUM ini, saya disaran oleh doktor di sebuah klinik kesihatan (KK) untuk mendapat pemeriksaan lanjut ekoran anak yang kini berusia dua tahun sembilan bulan masih lagi tidak dapat membina ayat dan kurang hubungan mata (*eye contact*).

Doktor berkenaan khuatir tentang tahap perkembangan anak saya memandangkan dia mempunyai gejala autistik dan memerlukan rawatan serta tindakan awal.

Jadi, saya meminta doktor berkenaan membuat surat rujukan kepada Hospital Tunku Azizah (HTA) yang dahulunya dikenali sebagai Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Kuala Lumpur di Hospital Kuala Lumpur.

Pada 9 Disember lalu, saya sendiri pergi ke HTA untuk mendapatkan tarikh janji temu selepas berputus asa menghubungi bahagian pediatrik bagi bertanyakan prosedur rawatan dan ujian saringan. Saya cuba menghubungi bahagian tersebut hampir dua bulan dan panggilan sentiasa tidak diangkat selepas operator menyambungkan kepada bahagian pediatrik. Mustahillah semua pegawai sibuk dalam satu-satu masa.

Apabila tiba di sana, keberadaan saya ditegur dan diminta pula menyerahkan kertas prosedur operasi standard (SOP) kepada doktor di KK semula. Menurut mereka, ibu bapa tidak perlu hadir untuk menetapkan tarikh janji temu sebaliknya perlu diuruskan oleh doktor di KK.

Saya difahamkan, doktor di KK perlu berurusan dengan doktor di HTA untuk berbincang mengenai perkembangan anak sebelum tarikh janji temu diberi kepada ibu bapa.

Sehingga kini, sudah tiga kali doktor di KK menghubungi saya menyatakan masih gagal menghubungi doktor di HTA. Saya tidak menyalahkan doktor di KK memandangkan saya juga menghadapi masalah kesukaran sama untuk menembusi talian berkenaan.

Jika terus begini, bila agaknya saya boleh mendapat tarikh janji temu dengan pakar kanak-kanak? Bila pula saya perlu membawa anak membuat rawatan susulan dan terapi? Masa terus berjalan tiada henti. Berapa lama perlu menunggu?

Saya amat kecewa dengan cara kerja pihak HTA sedangkan unit tersebut amat penting dan memerlukan pengurusan yang cekap kerana berdepan dengan pelanggan.

Jadi, tolonglah Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa dan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah pantau dan bantu menyelesaikan masalah ini segera. Sistem yang ada sekarang rumit dan menyukarkan banyak pihak.

Saya percaya, bukan saya seorang sahaja berdepan kerumitan ini tetapi ramai lagi ibu bapa yang tidak bersuara, sebaliknya lebih memilih ke hospital swasta untuk mendapatkan rawatan bagi anak mereka.

ZULI

Cheras, Selangor

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
 MUKA SURAT : 9
 RUANGAN : NATION / NEWS

CODEBLUE SURVEY FINDINGS

BURNOUT AS DOCTORS STRUGGLE TO COPE

Public hospital
 staff overworked
 and underpaid

LYLIA MARSYA ISKANDAR
 KUALA LUMPUR
 news@nst.com.my

OVERWORKED and underpaid — these are some of the issues faced by a healthcare worker. The plight of healthcare workers is a perennial problem that has been making headlines with stories of long hours, hard work and being paid a pittance. More recently, a survey conducted by the health portal, CodeBlue, showed that six in 10 permanent staffers in Malaysia's government health service were thinking of resigning from their jobs, signalling deep frustrations

with the public healthcare system.

Adding fuel to the fire is the low on-call payment rate. Government doctors are reportedly paid RM9 per hour on weekends.

In public hospitals, the on-call rates for medical officers are RM200 for more than 15 consecutive hours of work on working days and RM220 on weekends and public holidays.

Medical specialists only get paid RM30 more, at RM230 and RM250, respectively.

The *New Straits Times* spoke to an outpatient doctor in East Malaysia, who described overwork and lethargy at having to juggle between being a parent and seeing up to 40 patients per day.

The plight of the doctor, who declined to be named, may only be a microcosm of the difficulties of working in healthcare in Malaysia.

If it was not for the 10-year



Healthcare workers have reported severe understaffing in the public health service. FILE PIC

bond (contract) with the Public Service Department, the doctor would have resigned.

"It is quite challenging as most days, we have to work continuously and don't get enough rest. There are times when our break time is not even 30 minutes long.

"What complicates the situation is that I have to take care of my 3-year-old child at night, especially when I'm on call.

"Not only is the workload heavy, but we are being paid a pittance too."

The doctor, who was forced into a long distance relationship with the spouse, said transfer requests were ignored as there was a maldistribution of manpower in the hospital.

The doctor, who had been assigned to two other states in

Peninsular Malaysia before landing a permanent position at the current hospital, explained that they had to take turns caring for their child because the spouse worked in Kedah.

"It's been three years since I have been posted here.

"After two years of service, we could file a transfer request, but I couldn't because there wasn't enough manpower.

"If I'm on call, I'd ask my housemates to help look after my child, but if they are on call as well or have to escort patients, then I'd have to pay extra to get a nanny."

While the working environment was commendable, the doctor said workloads were increasing as more hospitals had started diverting their patients to the dis-

trict hospital.

"Sometimes, when there are not enough doctors, I'd have to treat 30 to 40 patients, but because it's a district hospital, most of them are referred to the specialists."

The doctor, however, is not alone.

In the CodeBlue survey findings, healthcare workers reported severe understaffing in the public health service, not getting commensurate pay for heavy workloads (or even being denied certain on-call claims) and being burdened with too many key performance indicators and extra services that they had to provide to patients.

More than half of the 1,600 respondents said they would participate in a strike.

Expedite reforms for public healthcare workers, MMA tells PM

KUALA LUMPUR: The government must take the sentiments of public healthcare workers seriously and speed up reforms to address longstanding issues.

Malaysian Medical Association (MMA) president Dr Muruga Raj Rajathurai said Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim, who is also the finance minister, should step up to address roadblocks in implementing reforms. He said this amid rumours of healthcare workers going on strike.

Dr Muruga Raj said the issue should not be seen as the sole responsibility of the Health Ministry, but also that of the Finance Ministry and the Public Service Department (PSD).

"The health minister is committed to reforms in our healthcare system. However, the support of the Finance Ministry and

PSD will be vital to ensuring that reforms can be carried out.

"Many of the issues, especially those involving human resources, will require budgeting and planning by the Finance Ministry and PSD.

"Lawmakers from both sides of the divide should also support efforts to reform the healthcare system," Dr Muruga Raj said in a statement yesterday.

He said while MMA did not condone any strike action, the frustration and burnout among public healthcare workers had reached its "limits" and they wanted their voices heard.

He pointed out that there were still not enough permanent positions to provide doctors on contract with secure employment, public healthcare facilities were still overcrowded, manpower



Dr Muruga Raj Rajathurai

shortages still existed and that most healthcare workers were underpaid and overworked.

These issues, he said, had been brought up in a number of meet-

ings with the Health Ministry and press statements had been issued by the MMA.

"Alarm bells have been ringing for years about the healthcare system and its human resources being stretched to the breaking point. In the last four years, there have been three changes in government. With every new cabinet line-up and administration, there was renewed hope, but none were able to resolve their issues."

Dr Muruga Raj also attributed many of the issues in the healthcare system to "failed policies of the past", such as the commercialisation of medical education, which led to the mushrooming of medical schools, and the contract doctor system that was introduced in 2016.

"We hope that the current

prime minister, as a reformist himself, will, with the power he now has after waiting for over 30 years, right the wrongs of the past with reforms.

"We wish to remind the prime minister that Malaysians have not forgotten all the promises made (on improving healthcare) during the 15th General Election campaign period by his political coalition and MPs, who are now in government."

Dr Muruga Raj expressed hope that the tabling of the 2023 Budget would reflect the government's commitment to healthcare reforms.

"MMA has asked for an increase in the health budget to five per cent of the nation's gross domestic product. This should be the minimum amount allocated for the healthcare sector."